Pemetaan Modul Usrah Rabbani KIAS dan Kepentingannya dalam Pemantapan Jati Diri Siswa

[The Mapping of Usrah Rabbani KIAS Module and Its Importance In Strengthening Students' Self-Identity]

Rahim Kamarul Zaman[1], Mujiburrahman Muhammad Saleh[2], Nur Shahidah Ab Hamid [3], Khairol Mokhtar[4] & Siti Nur Fatin Jaafar[5]

[1] (Corresponding Author) Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com.

[2] M&S Muamalat Academy, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. e-mail: mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com.

[3] Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. e-mail: nurshahidahhamid@gmail.com

[4] Islamic Studies Unit, Darulnaim College of Technology, 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia. e-mail: khairol.mokhtar@ktd.edu.my

[5] Maahad Tahfiz al-Quran Darul Saadah Lilbanat, Yayasan Islam Kelantan, 15100 Ketereh, Kelantan, Malaysia. e-mail: sitinurfatin9.snf@gmail.com.

ABSTRACT

The development of human identity through the formal education system is part of the main indicator of the civilization of a country. Thus, a comprehensive and sustainable education system and curriculum structure are very important. In the Islamic tradition, usrah is among the educational methods that are often used as a complement to formal education to develop a student's self-identity. In this context, various variations of usrah methods have developed worldwide following current needs. Accordingly, this study is presented to discuss the Usrah Rabbani method that has been practiced as a mechanism for strengthening the self-identity of students at Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS). As an Islamic Higher Education Institution under the Kelantan State Government, the Usrah Rabbani method has been developed in parallel with the Kelantan Rabbani Education Policy (DPRK) to produce a generation of Rabbani. Based on the method of textual analysis, this study found that the Usrah Rabbani curriculum contains 91 Nas al-Quran discourses, 23 hadith topics, 16 Islamic History topics and 11 Islamic thought topics. Overall, this study found that the curriculum combination of the Usrah Rabbani method is very relevant to the need to strengthen the identity of today's students. Therefore, the Usrah Rabbani method based on the DPRK deserves to be recognized as one of the best models in the context of student self-identity development at the higher education institution level.

Keywords: *Usrah Rabbani; Module; Strengthening; Self-Identity; Student*

ABSTRAK

Pembangunan jati diri insan melalui sistem pendidikan formal merupakan sebahagian indikator utama ketamadunan sesebuah negara. Justeru, sistem pendidikan dan struktur kurikulum yang komprehensif dan mapan adalah sangat penting. Dalam tradisi Islam, usrah adalah di antara metode pendidikan yang sering digunakan sebagai pelengkap pendidikan formal bagi membangunkan jati diri pelajar. Dalam konteks ini pelbagai variasi metode usrah telah berkembang di seluruh dunia sesuai dengan keperluan semasa. Sehubungan itu, kajian ini dikemukakan bagi membincangkan metode Usrah Rabbani yang telah dipraktikkan sebagai mekanisme pemantapan jati diri siswa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Islam yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan, metode Usrah Rabbani telah dibangunkan selari dengan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) dengan matlamat melahirkan generasi Rabbani. Berasaskan metode analisis tekstual, kajian ini mendapati kurikulum Usrah Rabbani mengandungi wacana 91 Nas al-Quran, 23 topik hadith, 16 topik sejarah Islam dan 11 topik pemikiran Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati kombinasi kurikulum metode Usrah Rabbani adalah sangat relevan dengan keperluan pemantapan jati diri siswa masa kini. Oleh demikian, metode Usrah Rabbani yang didasari DPRK layak diiiktiraf di antara model terbaik dalam konteks pembangunan jati diri siswa di peringkat institusi pengajian tinggi.

Kata Kunci: Usrah Rabbani; Modul; Pemantapan; Jati diri; Siswa

How to Cite:

Received : 27-08-2023
Accepted : 14-10-2023
Published : 28-11-2023

Rahim Kamarul Zaman, Mujiburrahman Muhammad Saleh, Nur Shahidah Ab Hamid, Khairol Mokhtar, & Siti Nur Fatin Jaafar. (2023). Pemetaan Modul Usrah Rabbani KIAS Dan Kepentingannya Dalam Pemantapan Jati Diri Siswa. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 51-71

1. Pendahuluan

Pembangunan jati diri insan melalui sistem pendidikan formal merupakan sebahagian indikator utama ketamadunan sesebuah negara. Justeru, sistem pendidikan dan struktur kurikulum yang komprehensif dan mapan adalah sangat penting. Dalam tradisi Islam, usrah adalah di

antara metode pendidikan yang sering digunakan sebagai pelengkap pendidikan formal bagi membangunkan jati diri pelajar.

Dalam konteks perkembangannya, praktik usrah berfungsi sebagai platform pembentukan jati diri Muslim yang mapan sejak permulaan kerasulan Nabi Muhammad SAW sehingga kini (Yahya & Abdullah, 2021; Ahmad, 2019; Ibrahim et al., 2015; Mahmud, 1990: 112). Sehubungan itu pelbagai variasi metode usrah telah dipraktikkan dalam institusi pendidikan di seluruh dunia sama ada secara formal atau tidak formal. Perihal berkenaan telah dibincangkan secara komprehensif dalam pelbagai kajian masa kini.

Kajian Hidayat (2019) membincangkan pelaksanaan usrah sebagai platform pendidikan komuniti telah dirintis oleh Ikhwanul Muslimin di Mesir sedari tahun 1928. Sementara itu, kajian Ulfah (2016) mendapati praktik usrah juga telah diaplikasi secara formal di institusi-institusi pendidikan yang dibangunkan Ikhwanul Muslimin sekitar tahun 1928 sehingga 1932. Susulan perkembangan berkenaan, kajian Ibrahim et al. (2015) mendapati sejarah dan pembudayaan usrah yang dipelopori Ikhwanul Muslimin telah berjaya mencorakkan jati diri komuniti Muslim dunia sehingga kini. Manakala kajian Ahmad (2019) menganalisis keberkesanan platform usrah dalam membangunkan sahsiah individu Muslim secara kolektif di samping mengukuhkan kesatuan persaudaraan Islam.

Dalam konteks sistem pengajaran dan pembelajaran (PdP) peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi, metode usrah sering diaplikasi sebagai platform pilihan bagi memelihara sahsiah pelajar (Yahya & Abdullah, 2021). Lazimnya, objektif pelaksanaannya tertumpu kepada usaha pembangunan akhlak pelajar secara holistik dalam mendepani era globalisasi (Zaman et al., 2022). Sehubungan itu, terdapat pelbagai kajian telah membincangkan aspek teoretikal dan praktikalnya. Kajian Ahmad (2013) dan Kadir et al. (2011) telah menganalisis praktik usrah sebagai program holistik bagi melahirkan pelajar cemerlang di peringkat sekolah menengah agama di Malaysia. Manakala kajian Hodzori et al. (2020) memfokuskan perbincangan berkaitan kefungsian usrah peringkat sekolah bagi menangani budaya negatif dalam kalangan remaja Indonesia.

Sementara itu, kajian Marusin et al. (2018) telah meneliti polisi dan aplikasi usrah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan keberkesanannya dalam meningkatkan kualiti PdP siswa institusi pengajian tinggi. Manakala kajian Din & Yusak (2019) membincangkan aplikasi usrah sebagai platform peneraju dasar tarbiah Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Hasil kajian berkenaan mendapati pelaksanaan usrah dengan didasari dasar yang jelas akan meningkatkan keberkesanan

pencapaian objektifnya. Demikian juga kajian Zaman et al. (2022) telah membincangkan penerapan usrah dalam pembangunan strategik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Hasil kajian mendapati keberkesanan platform usrah amat bergantung kepada keutuhan polisi pendidikan yang mendasarinya.

Berdasarkan sorotan literatur kepelbagaian kajian praktik usrah yang telah dinyatakan, sehingga kini dunia Islam masih kekurangan model praktik usrah secara formal yang didasari dasar pendidikan peringkat negeri atau nasional (Zaman et al., 2022). Justeru, kajian ini dikemukakan bagi menganalisis metode Usrah Rabbani yang telah dipraktikkan sebagai mekanisme pemantapan jati diri siswa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Sebagai Institusi Pengajian Tinggi Islam yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan, metode Usrah Rabbani telah dibangunkan selari dengan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) dengan matlamat melahirkan generasi Rabbani.

Berasaskan metode analisis tekstual, kajian ini membicarakan tentang praktik Usrah Rabbani sebagai metode pemantapan jati diri siswa. Bagi tujuan itu, kajian ini meneliti kurikulum Usrah Rabbani meliputi wacana 91 Nas al-Quran, 23 topik hadith, 16 topik Sejarah Islam dan 11 topik pemikiran Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati kombinasi kurikulum metode Usrah Rabbani adalah sangat relevan dengan keperluan pemantapan jati diri siswa masa kini. (Zaman et al., 2022; Masitah, 2020; Ismail et al., 2020)

Secara keseluruhannya, metode Usrah Rabbani yang didasari DPRK layak diiiktiraf di antara modul usrah terbaik dalam konteks pembangunan jati diri siswa di peringkat institusi pengajian tinggi.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini mengemukakan wacana mengenai modul pemantapan jati diri siswa melalui praktik Usrah Rabbani di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Kurikulum Usrah Rabbani di KIAS yang dibangunkan secara bersepadu berpandukan 9 prinsip Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) merupakan pendekatan baharu dalam metode pelaksanaan usrah. Berasaskan metode analisis kandungan, kajian deskriptif ini meneliti kandungan Modul Usrah Rabbani secara komprehensif dan menilai tahap keselariannya dengan 9 prinsip DPRK.

Sehubungan itu, kajian ini melakukan pemetaan kandungan setiap modul Usrah Rabbani kepada 46 amalan terbaik yang disenaraikan dalam 9 prinsip DPRK. Pemetaan berkenaan akan memaparkan peratusan tahap

keselarian modul Usrah Rabbani dengan aspirasi DPRK. Hasil pemetaan berkenaan turut bertujuan membuktikan keutuhan model Usrah Rabbani dalam konteks agenda pemantapan jati diri siswa menurut perspektif Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini cuba memartabatkan praktik Usrah Rabbani sebagai model pemantapan jati diri siswa dalam mendepani era globalisasi masa kini.

3. DPRK Dan Aspirasi Pembangunan Insan

DPRK merupakan sebuah gagasan transformasi pendidikan yang telah dibangunkan dengan 9 prinsip pendidikan Rabbani dan 46 amalan terbaik. Komposisi berkenaan membentuk piawaian teras kejayaan dan hasil pelaksanaannya (Umar et al. 2020). Selain itu aspirasi DPRK telah digarap bagi mendukung perancangan bersepadu pentadbiran Negeri Kelantan dalam memantapkan cara hidup rakyat berorientasikan Islam. (Zaman et al. 2022; Mohamad, Adnan & Yusoff, 2016).

Berdasarkan falsafahnya, objektif DPRK memfokuskan pengintegrasian skop pendidikan Islam dalam kehidupan masyarakat. DPRK juga berperanan menerapkan falsafah Rabbani ke dalam seluruh platform pendidikan masyarakat di negeri Kelantan (Zaman et al. 2022; Umar et al. 2020). Tuntasnya, DPRK dapat difahami sebagaimana Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Utama Prinsip DPRK

PRINSIP DPRK			
	Prinsip (P)	**Keterangan**	**Amalan Terbaik (AT)**
P1	Ilmu Bermatlamatkan Allah	Ilmu yang dituntut adalah berteraskan dan terarah kepada Allah.	1.1 Ilmu Adalah Milik Allah SWT 1.2 Ilmu Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah 1.3 Ikhlas Berilmu Kerana Allah 1.4 Bermatlamatkan Akhirat
P2	Keutamaan Ilmu & Kefaqihan	Pendidikan yang menjurus ke arah melahirkan individu yang memahami tingkatan keutamaan ilmu dan mencapai tahap kepakaran dalam bidangnya.	2.1 Keutamaan Ilmu Fardhu 'Ain 2.2 Pengajian Mengikut Turutan Ilmu 2.3 Pembangunan Individu Faqih 2.4 Pengintegrasian Ilmu Aqli dan Naqli
P3	Kemenjadian Insan Mulia	Mendidik individu ke arah pembentukan peribadi beradab dan berakhlak mulia.	3.1 Kecintaan Ilmu Pengetahuan 3.2 Melazimi Suruhan Agama 3.3 Berkeperibadian Mulia 3.4 Hidup Bermasyarakat 3.5 Keprihatinan Terhadap Alam Sekitar
P4	Pengamalan &	Menterjemahkan ilmu	4.1 Pembudayaan Ilmu

	Penyebaran Ilmu	dalam kehidupan seharian serta menyebarluaskannya kepada yang lain	4.2 Penghayatan Ilmu 4.3 Perkongsian Ilmu 4.4 Penyebaran Ilmu Secara Meluas 4.5 Pemartabatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Peningkatan Penguasaan Bahasa Lain
P5	Pembelajaran & Pengkajian Berterusan	Meningkatkan ilmu, kemahiran dan membudayakan kajian secara berterusan	5.1 Peningkatan Potensi dan Kemahiran 5.2 Pengaplikasian Ilmu Pengetahuan dan Teknologi 5.3 Pembinaan Jiwa Insan Pendidik 5.4 Pembudayaan Amalan Berguru 5.5 Pelaksanaan Penyelidikan Berterusan
P6	Pembangunan & Pengislahan Masyarakat	Mendidik individu ke arah membangunkan masyarakat dan melakukan islah.	6.1 Pembangunan Holistik dan Seimbang 6.2 Pengislahan Secara Berhikmah 6.3 Kewajipan Melaksanakan 'Amar Ma'aruf Nahi Mungkar 6.4 Mempelajari Bahasa Kaum Tempatan 6.5 Berkemahiran dalam Penyelesaian Masalah 6.6.Pengukuran Berterusan Secara Saintifik
P7	Kebersamaan Tanggungjawab	Individu yang menyedari sifat kebertanggungjawaban dalam membangunkan diri dan masyarakat secara bersama	7.1 Keutamaan Peranan Ibu Bapa 7.2 Kerjasama Institusi Kerajaan, Swasta dan Masyarakat 7.3 Kepemimpinan dan Kompetensi Pemimpin Pendidikan 7.4 Pentadbiran Menjiwai Pendidikan 7.5 Kelestarian Pengurusan Dana 7.6 Pengukuhan Amalan Persekutuan
P8	Bertepatan Realiti Semasa	Pendidikan yang melahirkan individu yang peka terhadap perkembangan terkini yang bergerak seiring dengan acuan Islam	8.1 Kecukupan Keperluan Fardhu Kifayah dalam Kehidupan 8.2 Penggunaan Teknologi Terkini 8.3 Pengukuhan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa 8.4 Cakna Kepada Realiti Kehidupan
P9	Kelestarian Ilmu	Kualiti pendidikan yang menekankan kesahihan sumber, pengintegrasian dan perubahan disiplin ilmu yang berterusan	9.1 Penyepaduan Akal dengan Wahyu 9.2 Pengintegrasian Disiplin Ilmu 9.3 Keperluan Memenuhi Fitrah Manusia Sejagat 9.4 Pengiktirafan Sumbangan Ilmuan Silam 9.5 Pendokumentasian Ilmu

9.6 Pengawalseliaan Kualiti Institusi Pendidikan	
9.7 Jaminan Kesahihan Sumber	

(Sumber: Umar et al., 2020)

Berdasarkan Jadual 1, kombinasi P1, P3, P4, P6, P7 dan P8 amat signifikan dengan objektif pemantapan jati diri siswa. Dalam konteks pembangunan insan, senarai AT (amalan terbaik) yang menjadi piawaian teras setiap prinsip DPRK didapati bertepatan dengan konsep pembangunan insan dalam tradisi Islam (Saʿīd Ḥawwā, 1994; al-Ghazālī, 1999; Shuhari & Hamat, 2015).

Kesimpulannya, gagasan DPRK memaparkan sifatnya sebagai mekanisme komprehensif dalam melestarikan jati diri, akhlak dan personaliti siswa dalam era globalisasi masa kini. Malah, pelaksanaan DPRK juga membuktikan komitmen negeri Kelantan sebagai Hub pendidikan Islam yang dinamik. (Zaman et al. 2022; Umar et al. 2020; Mohamad, Adnan & Yusoff, 2016).

4. Pengenalan Praktik Usrah Rabbani

Susulan pelaksanaan DPRK di peringkat Negeri Kelantan, KIAS telah diberi mandat untuk merealisasikan agenda DPRK bagi melahirkan graduan 'Rabbani' yang kompeten, berdaya saing dan konsisten mempertahankan keperibadian muslim. (Zaman et al., 2022; Idris Awang et al., 2018).

Bagi tujuan tersebut, KIAS telah menjadikan mekanisme usrah yang telah dipraktikkan secara rasmi sejak 2011 sebagai platform utama bagi memacu aspirasi DPRK (Zaman et al., 2022; Idris Awang et al., 2018). Justeru, modul usrah berkenaan telah dibangunkan semula dengan mengadaptasi prinsip DPRK. Hasilnya, Usrah Rabbani telah mula dipraktikkan secara rasmi bermula tahun 2019 (Zaman et al., 2022).

Pada dasarnya, Modul Usrah Rabbani telah dinamakan bersempena terma Rabbani dalam DPRK. Sehubungan itu, matlamat Usrah Rabbani turut membawa aspirasi yang sama dalam DPRK. Merujuk kurikulum Usrah Rabbani, para pelajar akan melalui sebanyak empat komponen modul yang dicerakinkan kepada empat semester pengajian di KIAS. Dalam setiap komponen, mahasiswa akan didedahkan dengan kurikulum komprehensif meliputi pengajian tafsir, hadith, sejarah Rasulullah SAW dan pemikiran Islam. Tuntasnya, komposisi modul berkenaan adalah sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2: Statistik Komposisi Modul Usrah Rabbani KIAS

			Tafsir	Hadis	Sirah	Pemikiran Islam
Bil	Modul	Sem	Ayat	Topik	Topik	Topik
1	1	1	50	6	4	0
2	2	2	12	6	3	6
3	3	3	15	5	5	5
4	4	4	14	6	4	0
Jumlah	4	4	91	23	16	11

(Sumber: Modul Usrah Rabbani KIAS, modul 1-4; Zaman et al., 2022)

Merujuk Jadual 2, komposisi keseluruhan kurikulum Usrah Rabbani telah dibangunkan secara seimbang bertepatan dengan konsep pembangunan insan secara holistik. Selain itu, keselarian objektif dan perbincangan setiap topik turut dikemas kini berdasarkan 9 prinsip dan 46 amalan terbaik yang disenaraikan dalam DPRK. Justeru, topik-topik perbincangan dalam Usrah Rabbani telah dimuatkan dengan wacana yang diadaptasi daripada teladan terbaik yang terkandung dalam dokumen asas DPRK.

Berdasarkan teknikal pelaksanaannya, Usrah Rabbani telah dirangka berpaksikan konsep mobilisasi siswa sebagai *nuqaba'* (fasilitator pengendali setiap kumpulan usrah). Konsep ini merupakan manifestasi aspirasi P3 dan P6 DPRK. Pendekatan mobilisasi siswa juga memudahkan proses manifestasi aspirasi DPRK yang telah disasarkan. Hal ini kerana, interaksi sesama siswa dilihat lebih berkesan dalam konteks aplikasi teladan (Jaafar & Zaman, 2023).

Bagi memastikan kelancaran kefungsian siswa dalam mengendalikan Usrah Rabbani, setiap *nuqaba'* terpilih akan dilatih secara intensif melalui Kem Pemerkasaan *Nuqaba'* (KPN) sebelum permulaan Usrah Rabbani pada awal setiap semester. Selain itu, setiap *nuqaba'* turut dipantau secara berterusan oleh pihak pentadbiran bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) KIAS sepanjang tempoh pelaksanaan Usrah Rabbani selama 10 minggu pada setiap semester.

Secara keseluruhannya, praktik Usrah Rabbani telah dibangunkan dan dilaksanakan secara bersepadu di antara aspirasi DPRK serta agenda pemantapan identiti dan akhlak Muslim.

5. Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati praktik usrah yang dibangunkan secara holistik dan bersepadu dalam sistem pendidikan formal berupaya memacu proses pengukuhan kelestarian identiti dan akhlak Muslim. Justeru, praktik

Usrah Rabbani merupakan sebuah model pembangunan insan yang signifikan dengan agenda berkenaan. Praktik Usrah Rabbani yang dibangunkan dengan didasari aspirasi Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) telah berjaya membentuknya sebagai sebuah model yang utuh. Hal ini kerana, kerangka dan struktur kurikulum Usrah Rabbani disokong dasar pembangunan insan yang jelas di bawah pentadbiran kerajaan.

Hasil pemetaan dan penilaian komprehensif terhadap setiap komponen Usrah Rabbani, kajian ini mendapati tahap keselarian dan kesepaduannya dengan 9 prinsip DPRK adalah pada kadar 76%. Jika ditinjau secara khusus, pecahan peratusan keseluruhan tersebut diperolehi daripada tahap keselarian yang berbeza di antara setiap komponen. Modul Tafsir dan Hadith yang membentuk komponen pertama dan kedua, masing-masing mencatatkan tahap keselarian pada kadar 80.4%. Sementara itu, modul Sejarah Rasulullah SAW yang membentuk komponen ketiga telah mencatatkan 78% tahap keselarian. Komponen terakhir, modul Pemikiran Islam mencatatkan 65.2% tahap keselarian.

6. Perbincangan

Pada asasnya, kurikulum modul Usrah Rabbani telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan pemantapan jati diri siswa masa kini. Justeru, pemilihan sumber rujukan bagi setiap perbincangan Usrah Rabbani adalah terdiri daripada karya-karya kontemporari yang memfokuskan wacana pembangunan insan dan keperibadian Muslim.

6.1 Struktur Modul Usrah Rabbani dan Pemetaannya kepada DPRK

Bagi modul Tafsir, rujukan utamanya adalah karya *Ṣafwah al-Tafāsīr* karangan ‘Alī al-Ṣābūnī yang merupakan kitab tafsir kontemporari yang muktabar. Hal ini kerana karya *Ṣafwah al-Tafāsīr* telah mengemukakan rumusan ringkas tafsiran kebanyakan kitab tafsir muktabar terdahulu seperti tafsir Ibn Kathīr, al-Qurṭubī, al-Ṭabarī, al-Alūsī dan lain-lain (Bahar, 2017). Pemilihan karya ini juga kerana metode perbahasannya yang sering dikaitkan dengan perihal sosiobudaya masyarakat masa kini (Bahar, 2017; سيدي، ٢٠٢١). Secara keseluruhannya sebanyak 91 nas al-Quran terpilih telah diwacanakan berdasarkan interpretasi karya *Ṣafwah al-Tafāsīr*.

Sementara itu, rujukan utama modul Hadith pula adalah karya *al-Wāfī fi Sharḥ al-Arba‘īn al-Nawawiyyah* karangan Muṣṭafā al-Bughā dan Muḥyi al-Dīn Mistū. Kitab ini turut menampilkan wacana sosiobudaya kontemporari di samping penekanannya terhadap nilai-nilai pendidikan

akhlak. (Fakhruddin, 2022; Juaini, 2019) Daripada karya ini, sebanyak 23 hadith telah dipilih sebagai topik perbincangan dalam modul Hadith Usrah Rabbani.

Rujukan modul Sirah Usrah Rabbani pula dibangunkan berpandukan karya *al-Sirah al-Nabawiyyah: Durūs wa 'Ibār* karangan Muṣṭafā al-Sibā'ī yang memfokuskan pengajaran sirah berbentuk pembangunan identiti dan akhlak umat Islam (حلمي & نظري، ٢٠٢٠). Sebagai tambahan, karya *al-Raḥīq al-Makhtūm* karangan Ṣafiy al-Raḥmān al-Mubārakfūrī turut dirujuk sebagai rujukan. Karya ini juga terkenal sebagai karya sirah kontemporari yang menyentuh nilai pendidikan akhlak di dalam perbahasannya (Shalash & Moh'd, 2020).

Terakhir, modul Pemikiran Islam yang membentuk komposisi keempat modul Usrah Rabbani diambil daripada karya *Ḥattā Ya'lam al-Shabāb* karangan 'Abdullah Nāṣih 'Ulwān dan karya *Jīl al-Naṣr al-Manshūd* karangan Yūsuf al-Qaraḍāwī. Tuntasnya, karya kedua-dua tokoh murabbi ummah ini menampilkan wacana pembangunan generasi muda yang komited dan konsisten dengan acuan Islam (Yatim & Sa'ari, 2020). Oleh demikian, wacana pembangunan identiti generasi muda berdasarkan perspektif kedua-dua tokoh berkenaan adalah amat signifikan dengan keperluan pemantapan identiti, akhlak dan personaliti siswa masa kini.

Secara keseluruhannya, bagi memastikan tahap keselarian Usrah Rabbani dengan 9 prinsip DPRK, kajian ini meletakkan wacana setiap komponen Usrah Rabbani sebagai teras pemetaan dan diikuti dengan 9 prinsip DPRK sebagai indikator keselarian antara kedua-duanya.

i) Pemetaan Modul Tafsir kepada DPRK

Berdasarkan pengenalan struktur Modul Usrah Rabbani, kompilasi 91 nas al-Quran yang membentuk kurikulum modul Tafsir melibatkan 65 nas daripada Surah-surah Makkiyyah dan 26 nas daripada surah-surah Madaniyyah. Fokus pemilihan nas tertumpu kepada tema pemantapan akidah, pemurnian akhlak dan dorongan perjuangan mempertahankan Islam. Justeru, kompilasi nas tersebut adalah sarat dengan nilai-nilai terbaik selari dengan aspirasi piawaian amalan terbaik yang disenaraikan DPRK.

Bagi memahami asosiasi dan keselarian modul ini kepada aspirasi DPRK, perincian pemetaannya dapat difahami berdasarkan Jadual 3.

Jadual 3: Pemetaan Modul Tafsir Usrah Rabbani kepada DPRK

No	Usrah Rabbani		Prinsip DPRK								
	Modul / Topik	Nas	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9
	Modul 1		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Surah al-Fatihah	1-7	1,3,4		2,3		1	1,2,3			
2	Surah al-Ikhlas	1-4	1,3								
3	Surah al-Nas	1-6			2,3			2			
4	Surah al-Kafirun	1-6	1,2 3,4	1	2,3			1,2,3			
5	Surah al-Baqarah	177			2,3,4	2	1		1	4	3
6	Surah al-Mulk	6-12	2,3,4		2,3	1,2		2,3		4	
7	Surah al-Mukminun	1-11	4	1	2,3	1,2	1		5	4	3
8	Surah al-Ghashiyah	1-8	4		2			3		4	
	Modul 2		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Konsep Sifat Ihsan	al-Nahl:90 al-Nisa':36 al-Tawbah:100		1,4	2,3,4			3	5	4	3
2	Konsep Sifat Takwa	al-Baqarah:103 Ali-Imran:102 al-Ahzab:70	3,4		2,3		1	3			
3	Konsep Inabah	al-Rum:31 Luqman:15 al-Zumar:54			2		1	2,3,5		4	
4	Sifat Istiqamah	Hud:112 Fussilat:6 al-Ahqaf:13		1	2		1	1,2,3,5			3
	Modul 3		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Sifat Tawaduk	al-Isra':37 al-Furqan:63 Luqman:18			3,4					4	3
2	Sifat Mendamaikan Perselisihan	al-Baqarah:224 al-Hujurat:9-10			2,3,4			2,3,5		4	
3	Sifat Ithar	Ali-Imran:92 al-Hashr:9 al-Baqarah:177		1,4	3,4				1,5	1,4	
4	Sifat Berbakti Kepada Ibu Bapa	al-An'am:151 al-Isra':23 Luqman:14-15	4	1	2,3				1,5	4	3
5	Anjuran Berinfak	al-Baqarah:254 Ali-Imran:180			2,3,4				5	4	3
	Modul 4		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Perintah Berjihad	al-Hajj:78 al-Ankabut:69 al-Saff:10-11	4	1,3	2,3,4	3,4	1	2,3		1,4	3
2	Keutamaan Jihad	al-Nisa':95 al-Anfal:65	4	1,3	2,3,4	3,4	1	2,3	5	1,4	3
3	Jihad dan Menuntut Ilmu	al-Baqarah:190, 216 al-Tawbah:122	3,4	1,3	1,2,3	3,4	1,3	1,2,3	5	4	3,4,5,6

4	Hikmah Pensyariatan Jihad	al-Baqarah:193		3	2			1,2, 3,5		1,4	
5	Sifat Mujahid	Ali-Imran:200			2		1	5		1,4	
6	Sifat *Junud*	al-Nisa':59	2		1,2	2		5	3,4	1,4	6,7
7	Sifat Pemimpin	Ali-Imran:159	4	3	1,2, 3		3,4, 5	2,5, 6	3,4	3	6,7
8	Persiapan Jihad	al-Anfal:60	4	3,4	2		1,5	5,6	5,6	2,4	
	JUMLAH	91	4	3	4	4	4	5	5	4	5
			Jumlah Keselarian Amalan Terbaik: 37								

(Sumber: KIAS 2019; Analisis Pengkaji)

Berdasarkan Jadual 3, tahap keselarian fokus perbincangan Modul Tafsir Usrah Rabbani dengan 9 prinsip DPRK adalah pada kadar 80.4%. Peratusan keselarian yang tinggi ini didorong sifat komprehensif nas al-Quran yang mudah untuk mendasari senarai amalan terbaik dalam 9 prinsip DPRK. Secara keseluruhannya, modul ini mencatatkan tahap keselarian tertinggi bagi P6, P7 dan P9 DPRK. Dalam konteks lebih khusus, topik-topik yang menampilkan wacana berkaitan konsep *jihad* (perjuangan mempertahankan Islam) menjadi penyumbang terbesar terhadap pencapaian keselarian modul ini dengan DPRK.

ii) Pemetaan Modul Hadith kepada DPRK

Berdasarkan pengenalan struktur modul Usrah Rabbani, sebanyak 23 hadith terpilih daripada karya *al-Wāfī fi Sharḥ al-Arba'īn al-Nawawiyyah* telah dimuatkan dalam kurikulum Hadith Usrah Rabbani. Fokus pemilihan hadith bagi komponen ini memberi tumpuan kepada aspek pemantapan akidah, ibadah, pemurnian akhlak, dakwah dan nilai kesempurnaan Islam individu Muslim.

Bagi memahami asosiasi dan keselarian modul ini kepada aspirasi DPRK, perincian pemetaannya dapat difahami berdasarkan Jadual 4.

Jadual 4: Pemetaan Modul Hadith Usrah Rabbani kepada DPRK

No	Usrah Rabbani		Prinsip DPRK								
	Modul / Topik	Hadith 40	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9
	Modul 1		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Kepentingan Niat	1	3,4	3,4				1,2			
2	Islam, Iman dan Ihsan	2	1,2 3,4	1,2 3,4	1,2,3 4,5	1,2 3,4	3,4, 5	1,2 5,6	3,4	3,4	1,2,5 6,7
3	Lima Rukun Islam	3		1	2			1			3,7
4	Penciptaan Manusia	4	2,4	4	2,3			3,6			1,3
5	Amalan Yang Tertolak	5	2		2						7
	Sifat Wara' dan Menjauhi Perkara	6		3,4	2			1,2 3		3,4	1,6,7

	Syubhat											
	Modul 2		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK									
1	Ukhuwwah Islamiah	13	4		3,4						4	3
2	Etika Orang Beriman	15	4		3,4					2	4	3
3	Bertakwa Kepada Allah & Akhlak Terpuji	18	4		2,3,4			3	2		4	3
4	Penjagaan Hak Allah	19	2,3	3,4	2	1,2 3,4	3,4	1,2 3	1		4	1,7
5	Malu Sebahagian Daripada Iman	20	4		2,3			3				
6	Hindari Kemudaratan	32			2,3 4,5			3			4	
	Modul 3		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK									
1	Iman dan Istiqamah	21	1,2 3,4		2			3				
2	Syarat Masuk Syurga	22	4	1	2	1,2	4	1,2				
3	Kebaikan dan Dosa	27	2		2,3			2,3			4	
4	Sunnah dan Bid'ah	28	3,4		2		4	3			4	
5	Akhlak Mukmin	35			2,3 4			1,2 3,5				
	Modul 4		Amalan Terbaik - Prinsip DPRK									
1	Agama Itu Nasihat	7	1,2 3		1,2	3,4	3,4	2,3				1,3 7
2	Hak-hak Muslim	8	2	1	2			1,2 3				3
3	Suruhan dan Tegahan	9	2	4	2,3			1,2 3,5			4	1,2 3
4	Makanan Halal Syarat Penerimaan Doa	10			2,3	1,2		1,3			4	3
5	Meninggalkan Perkara Yang Meragukan	11		3,4	2			3			4	1,7
6	Kesempurnaan Keislaman Seseorang	12		3,4	2,3	1,2		1,2 3			4	1,3 7
	JUMLAH	23	4	4	5	4	3	5	4	2	6	
			Jumlah Keselarian Amalan Terbaik: 37									

(Sumber: KIAS 2019; Analisis Pengkaji)

Berdasarkan Jadual 4. tahap keselarian fokus perbincangan Modul Hadith Usrah Rabbani dengan 9 prinsip DPRK adalah pada kadar 80.4% menyamai peratusan keselarian Modul Tafsir. Persamaan tersebut berlaku disebabkan pemilihan fokus perbincangan kedua-dua modul telah ditentukan berdasarkan objektif yang sama. Justeru, hasil perbincangan kedua-duanya turut membawa kepada pemetaan yang hampir sama. Namun berbeza dengan modul Tafsir, komponen ini merekodkan tahap keselarian tertinggi bagi P3, P6 dan P9 DPRK. Secara

khusus, topik-topik melibatkan hadith tentang Islam, Iman dan sifat Ihsan menjadi penyumbang terbesar keselarian modul ini dengan DPRK.

iii) Pemetaan Modul Sirah kepada DPRK

Komponen ketiga modul Usrah Rabbani ini bertujuan membincangkan teladan terbaik berdasarkan biografi Rasulullah SAW. Melaluinya, pengajaran sirah berbentuk pembangunan identiti dan pendidikan akhlak umat Islam dapat diadaptasi secara optimum. Berdasarkan kurikulumnya, komponen ini memuatkan sebanyak 16 topik yang diwacanakan mengikut garis masa utama sepanjang kehidupan Rasulullah SAW. Tuntasnya, pemetaan modul ini kepada DPRK adalah sebagaimana berikut;

Jadual 5: Pemetaan Modul Sirah Usrah Rabbani kepada DPRK

No	Usrah Rabbani	Prinsip DPRK								
	Modul / Topik	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9
	Modul 1	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Ciri-ciri Kenabian	2	3	3		3	1	3		
2	Risalah Wahyu	1,2		2,3	3,4	1,3,4				7
3	Bukti-bukti Kebenaran Wahyu	1,2		3					4	3,7
4	Tujuan Risalah	3,4	3		1,2,3,4		1,2,3			3
	Modul 2	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Perjanjian Aqabah 1& 2	4		2,3,4	3,4	3,4	1,2,3,5	2,3,4,5	4	3,5,7
2	Peristiwa Hijrah	4	3	2,4		1,2	2,3,5	2,6	4	3
3	Asas Pembentukan Negara Islam	4		2,4		1,2	1,2,3,5	2,3,4,6	4	3,6
	Modul 3	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Perang Badar al-Kubra									
2	Perang Uhud									
3	Ghazwah Bani Nadir	4	4	2,3,4	2	1,2	2,3,5	2,3	1,2,4	1,3,6
4	Perang Ahzab									
5	Perjanjian Hudaybiah									
	Modul 4	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Dakwah Secara Senyap dan Terbuka	3,4	3	1,2	1,2,3,4	4	1,2,3,5	2,3	3,4	3,6
2	Pemilihan Sahabat	4	3	3,4				3,4		3
3	Sebab Penerimaan dan Penolakan Dakwah	3,4	3	1,2,3,4	1,2,3,4	4	1,2,3,5	2,3	3,4	3,6
4	Prasyarat Kejayaan Dakwah	2,4	3,4	1,2,3,4	1,2,3,4	4	1,2,3,5	2,3	3,4	3,6
	JUMLAH	4	2	4	4	4	4	5	4	5
		Jumlah Keselarian Amalan Terbaik: 36								

(Sumber: KIAS 2019; Analisis Pengkaji)

Berdasarkan Jadual 5, peratus keselarian komponen Sirah Usrah Rabbani dengan 9 prinsip DPRK adalah pada kadar 78%. Peratusan

keselariannya adalah lebih rendah sedikit berbanding komponen tafsir dan hadith. Namun begitu, peratusan keselarian tersebut adalah memadai dengan objektif yang disasarkan. Sehubungan itu, komponen ini mencatatkan keselarian tertinggi bagi P7 dan P9 DPRK. Dalam konteks lebih khusus, topik yang membincangkan prasyarat kejayaan dakwah, sebab penerimaan dan penolakan dakwah merupakan penyumbang terbesar keselarian komponen ini dengan DPRK.

iv) Pemetaan Modul Pemikiran Islam kepada DPRK

Komponen keempat dalam modul Usrah Rabbani ini berfungsi sebagai wacana pelengkap ketiga-tiga modul sebelumnya. Dua karya mengenai inisiatif pembangunan insan kontemporari telah dipilih sebagai rujukan perbincangan. Karya pertama bertajuk *Ḥattā Ya'lam al-Shabāb* hasil karangan 'Abdullah Nasih 'Ulwan. Manakala karya kedua bertajuk *Jīl al-Naṣr al-Manshūd* hasil karangan Yusuf al-Qaradawi. Tuntasnya, pemetaan modul ini kepada DPRK adalah sebagaimana berikut;

Jadual 6: Pemetaan Modul Pemikiran Islam Usrah Rabbani kepada DPRK

No	Usrah Rabbani Modul / Topik	Prinsip DPRK								
		P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9
	Modul 1	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
	Tiada Kurikulum	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Modul 2 Karya: Sehingga Para Pemuda Mengerti [*Ḥattā Ya'lam al-Shabāb*]	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Syiar 1: Allah Matlamat Kami	2,3 4	3,4	2,3	4	1	1,2 3		4	1,3 7
2	Syiar 2: Rasul Ikutan Kami	2		2,3		3,4	1,2 3	3		7
3	Syiar 3: Al-Quran Perlembagaan Kami & Bukti Keabadian Syariat Islam	2	1,3	1,2	2	4	3		4	
4	Syiar 4: Jihad Jalan Kami	4		2			1,2 3,5		4	
5	Syiar 5: Mati Syahid Cita-cita Tertinggi	4	3	2	2		1,2 3		4	4,7
6	Sahsiah Pemuda Islam & Strategi Musuh Islam		3,4	2,3		5	2,5 6		4	1,3 7
	Modul 3 Karya: Generasi Kemenangan Yang Diimpikan [*Jīl al-Nasr al-Manshūd*]	Amalan Terbaik - Prinsip DPRK								
1	Bab 1-3: - Situasi Umat Islam hari ini - Punca Kelemahan Umat Islam - Masalah Terbesar Umat Islam	2	4	2,3 4		1	2,3 5		4	1,3
2	Bab 4-6: Syarat-syarat Kemenangan	1,4		2		1	1,2 3	3	1,4	1,3
3	Bab 7-9: - Generasi yang dijanjikan kemenangan	2,4	1,3	1,2 3,4		1,2	1,2 3,5	3	4	1,3 7

	- Generasi Realiti dan Keilmuan - Generasi Rabbani yang ikhlas									
4	Bab 10-13: - Generasi Beridentiti Islam - Generasi Dakwah dan Jihad - *Ghuraba'* - Generasi yang kuat dan Mulia	2,4	1,4	1,2 3	1,2	1	1,2 3	3	4	1,3
5	Bab 14-16: - Generasi yang melakukan pertimbangan dengan Islam - Generasi yang tidak melampau atau bermudah-mudah dalam urusan agama - Generasi yang sentiasa bermuhasabah dan bertaubat	2,4	3	2,3	1,2	1	1,2 3		4	3
	Modul 4 Tiada Kurikulum	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	JUMLAH	4	3	4	3	4	5	1	2	4
		Jumlah Keselarian Amalan Terbaik:30								

(*Sumber*: KIAS 2019; Analisis Pengkaji)

Merujuk Jadual 6, peratus keselarian komponen ini dengan 9 prinsip DPRK adalah pada kadar 65.2%. Jika dibandingkan kepada keseluruhan 46 amalan terbaik DPRK, nilai ini berkenaan adalah sederhana. Sebaliknya, tahap keselarian wacana komponen ini berbanding P6 DPRK adalah sangat tinggi. Hal ini kerana, fokus komponen ini tertumpu kepada objektif pembentukan generasi Muslim yang komited menangani kelemahan-kelemahan umat Islam masa kini. Justeru, penyumbang keselarian komponen ini dengan DPRK adalah hampir seimbang antara keseluruhan topik.

6.2 Kepentingan Model Usrah Rabbani dalam Pemerkasaan Jati Diri Siswa

Berdasarkan wacana kurikulum Usrah Rabbani dan pemetaannya kepada DPRK, fungsi Usrah Rabbani sebagai platform pemantapan jati diri siswa dalam sistem pendidikan formal di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) adalah signifikan dengan aspirasi DPRK (Zaman et al., 2022). Kombinasi dan keselarian antara kedua-duanya memaparkan dimensi holistik dan prospeknya dalam memelihara kelestarian identiti dan akhlak muslim pada masa kini.

Secara praktikalnya, keutuhan model Usrah Rabbani terbentuk melalui tiga teras. Pertama, dasar pendidikan dalam pentadbiran negeri yang komited memfokuskan pembangunan generasi rabbani. Kedua, modul Usrah Rabbani yang dibangunkan dalam kerangka pendidikan rasmi. Ketiga, mobilisasi fasilitator terlatih dalam kalangan kumpulan sasaran, di samping pantauan berterusan daripada pihak berautoriti.

Kombinasi ketiga-tiga teras berkenaan boleh difahami sebagaimana Rajah 1.

Rajah 1: Teras Keutuhan Model Usrah Rabbani



Merujuk Rajah 1, kombinasi ketiga-tiga teras berkenaan berjaya membentuk mekanisme bersepadu dalam usaha pemantapan jati diri siswa generasi Rabbani. Dalam konteks pembangunan modal insan, setiap aktiviti hendaklah dilaksanakan dalam kerangka konsep rabbani (Zaman et al., 2022). Dalam erti kata lain, setiap pertimbangan atau perbuatan dalam kehidupan menjadikan kepatuhan kepada Allah SWT sebagai pedoman (Baba, 2006).

Tuntasnya, spektrum model Usrah Rabbani yang berpaksikan konsep ketuhanan adalah bersifat menyeluruh. Dimensinya meliputi aspek pembangunan ilmu pengetahuan, pengukuhan keimanan, pemerkasaan ibadah, tuntutan berdakwah mempertahankan Islam dan pembangunan generasi cemerlang (Zaman et al., 2022; Ismail et al., 2020; Duruzah, 1964; al-Qawsi, 2006).

Sehubungan itu, model Usrah Rabbani didapati telah memenuhi kriteria pembangunan insan secara holistik yang mengandungi tiga pendekatan utama. Pertama, pemantapan ilmu pengetahuan. Kedua, pelaksanaan pendidikan membina jati diri dan mengukuhkan keimanan. Ketiga, kegiatan dakwah bagi menyebarkan kefahaman Islam dan membentuk kemahiran berorganisasi (Hawwa, 1994). Melalui pendekatan tersebut, sikap bertanggungjawab, amanah dan konsisten akan lahir dalam setiap kehidupan individu muslim (Tamuri, 2021; al-Ghazali, 1999; Hawwa, 1994).

Secara keseluruhannya, usaha pelaksanaan Usrah Rabbani di KIAS merupakan rintisan awal pemerkasaan pembangunan insan berorientasi konsep Rabbani di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia. Namun begitu, kajian ini optimis konsep model Usrah Rabbani yang telah dibangunkan sesuai diaplikasi sebagai metode pemantapan jati diri siswa di peringkat institusi pengajian tinggi Islam sama ada dalam atau luar negara (Zaman et al., 2022; Tamuri, 2021). Justeru, model Usrah Rabbani KIAS wajar dimartabatkan sebagai sebahagian model pemantapan jati diri, akhlak dan personaliti siswa bagi menangani cabaran era globalisasi masa kini.

7. Kesimpulan

Usaha pemantapan jati diri siswa dan pemeliharaan kelestariannya pada era globalisasi merupakan agenda penting yang memerlukan komitmen tinggi semua pihak. Perlu diakui, usaha berkenaan adalah lebih mantap dan berkesan sekiranya didasari dasar-dasar pembangunan insan yang holistik seumpama DPRK. Sehubungan itu, model Usrah Rabbani yang dipraktikkan di KIAS wajar diiktiraf sebagai sebahagian inisiatif penting dalam memelihara jati diri, akhlak dan personaliti siswa era globalisasi masa kini. Hal ini kerana, model Usrah Rabbani telah dibangunkan secara bersepadu dengan aspirasi DPRK bagi tujuan pembangunan generasi rabbani.

Kesimpulannya, orientasi aplikasi usrah dalam sistem pendidikan formal seumpama model Usrah Rabbani amat relevan diaplikasi sebagai metode pemantapan jati diri siswa di peringkat institusi pengajian tinggi Islam sama ada dalam atau luar negara. Semoga sumbangan kajian ini dapat dikembangkan pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan agenda pentarbiahan dan pembangunan ummah sejagat.

Penghargaan

Manuskrip ini merupakan sebahagian daripada hasil usaha sama penyelidikan Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan DPRK KIAS dengan Unit Penyelidikan Persatuan Alumni KIAS (ALKIAS) di bawah rangka kajian pencapaian lima tahun agenda pembangunan strategik institusi pengajian tinggi Islam swasta dengan berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

Rujukan

Ahmad, S. (2013). *Amalan program usrah di sekolah agama menengah: kajian kes di Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya, Selangor/Safwan bin Ahmad* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Ahmad, S. (2019). Qur'anic Guidelines for Personality Development and Collective Work. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, *41*(1).

Al-Ghazālī, A. H. (1999). *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Dār al-Fajr Li al-Turāth.

Al-Qawsī, M. S. (2006). *Dirasāt Fi al-Niẓām al-Khuluqī Bayna al-Islām wa al-Nuẓum al-Waḍʿiyyah*. Cet. 2. Riyadh: Dār Imām al-Dʿawah.

Al-Sabuni, M. A. (1997). *Ṣafwah al-Tafāsīr*. Kaherah: Dār al-Ṣābūnī

Aziz, A. A., Yusof, K. M., & Yatim, J. M. (2012). Evaluation on the effectiveness of learning outcomes from students' perspectives. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *56*, 22-30.

Bahar, Ziauddin (2017) *Safwah al-Tafasir Karya Muhammad Ali al-Sabuni (Suatu Kajian Metodologi)*. Magister (S2) thesis, Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.

Din, N., & Yusak., Y. M. (2019). Usrah Peneraju Dasar Tarbiyah KUIS: Satu Tinjauan, (PASAK4), 274–283. Retrieved from e-Proceedings of the 2019 International Conference on Social Sciences and Humanities 24-25 April 2019. http://conference.kuis.edu.my/pasak4

Durūzah M. I. (1964). *Al-Tafsīr al-Ḥadīth (Ḥasb Tartīb al-Nuzūl*. Kaherah: Dār Iḥyā' al-Turāth.

Fakhruddin, F. (2022). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Al-Wafi Fi Syarah Al-Arbain An-Nawawiyah Karya Musthafa Dieb Al-Bugha Dan Muhyiddin Mistu. *Jurnal Akademika Kajian Ilmu-Ilmu Sosial, Humaniora Dan Agama*, *3*(2), 94-135.

Ḥawwā, Saʿīd. (1984). *Iḥyā' al-Rabbāniyyah 5. Al-Ijābāt*. Kaherah: Dār al-Salām.

Hidayat, H. T. (2019). Peranan Usroh Dalam Gerakan Ikhwanul Muslimin. *Yonetim: Jurnal Manajemen Dakwah*, *2*(1), 33-53.

Hodzori, N. K., Majid, L. A., & Abdullah, W. N. W. (2020). Pembudayaan Positif di Sekolah dalam Mencegah Remaja daripada Berpacaran. *Jurnal Sains Insani*.

Ibn Kathīr, A. F. (1998). Tafsīr al-Qur'ān al-ʿAẓīm. ed. Muḥammad Ḥusayn Shamsuddin. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Ibrahim, N., Kamsani, S. R., & Champe, J. (2015). Understanding the Islamic concept of usrah and its application to group work. *The Journal for Specialists in Group Work*, *40*(2), 163-186. DOI: https://doi.org/10.1080/01933922.2015.1017067

Idris Awang et. al. (2018). *Kompilasi Dan Analisis Dokumen Penubuhan Dan Perkembangan KIAS*. Kota Bharu: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.

Idris, N. (1998). *Pengajian tafsir Al-Quran: satu kajian di Maahad Dakwah Wal Imamah, Kelantan* (Disertasi Kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya).

Ismail, M. S., Siwok, S. R., & KZ, A. R. (2020). The Relationship Between Assertive Behaviour and Islamic Work Ethics Among Support Staff in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan 18*(1).

Jaafar, S. N. F. & Zaman, R. K. (2023) Pembangunan Pelajar Era Endemik Berdasarkan Prinsip Kemenjadian Insan Mulia Dalam Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan. In *Proceeding of Multidisciplinary International Conference, 4*(1), 6-14.

Juaini, M. R. (2019). *Nilai-nilai pendidikan akhlak dalam kitab al-arba'in al-nawawiyah karya Imam Nawawi* (Bachelor's thesis, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Syarif Hidayatullah Jakarta).

Kadir, F. A. A., Yusof, K. H., & Hassan, U. H. A. (2011). Usrah Teras Pembangunan Insan: Tinjauan Pelaksanaannya dalam Kalangan Para Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). *Jurnal Usuluddin*, *34*, 77-94.

Mahmud, A. A. H. (1990). *Wasā'il al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwān al-Muslimīn Dirāsah Taḥlīliyyah Tārīkhiyyah*. Mansurah: Dār al-Wafā'.

Marusin, A. A. M. A., Sintang, S., & Ibrahim, M. A. (2018). The Practice of Usrah in Teaching and Learning: Case Study at the International Islamic University Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, *14*, 21-26.

Masitah, W. (2020, February). Morality In Islam. In *Proceeding International Seminar Of Islamic Studies* (Vol. 1, No. 1, pp. 914-922).

Moh'd Abdullah Shalash, A., & Moh'd, R. S. M. (2020). أقوال الإمام المباركفوري التفسيرية في كتابه الرحيق المختوم جمعا ودراسة: Imam Al-Mubarakfuri's Interpretive Sayings in His Book Al-Rahiq Al-Makhtum: A Collection and Study. *Maʿālim al-Qurʾān wa al-Sunnah*, *16*, 131-155.

Mohamad, M. D. S., & Adnan, M. A. M., "*Tok Guru Nik Aziz Pencetus Siasah Syariyyah Dalam Sistem Politik Moden*" (Makalah Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 22 & 23 November 2016).

Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Yusoff, M. A. (2016). Aplikasi Maqasid Syariah dalam pentadbiran kerajaan Kelantan dari tahun 1990 hingga 2013: Satu analisis. *ALBASIRAH JOURNAL*, *6*(1), 141-155.

Shuhari, M. H., & Hamat, M. F. (2015). Nilai-nilai penting individu Muslim menurut al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, *9*, 41.

Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Alaf 21

Suhid, A. (2007). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum Bil*, *8*(1), 167.

Ulfah, N. M. (2016). Sejarah dan Strategi Dakwah Ikhwanul Muslimin (The History and Strategy Da'wah of Ikhwanul Muslimin). *Jurnal SMART (Studi Masyarakat, Religi, dan Tradisi)*, *2*(2), 213-214.

Umar, A., Musa, N., Ibrahim, M., Awang, M. H., Som, H. M., Mamat, A., ... & Mohamad, S. (2020). Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

Yahya, M. R. B., & Abdullah, Z. (2021). Application of Usrah using Fuzzy Delphi Method in the Malaysian Professional Learning Community. *EARR (Educational Administration Research and Review)*, *5*(1).

Yatim, S. S., & Sa'ari, C. Z. (2020). Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan [Solution Methods Spiritual Problems in Children's Education According To Abdullah Nasih Ulwan]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *3*(1), 130-144.

Zaman, R. K., Saleh, M. M., & Ab Hamid, N. S. (2022). Penerapan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dalam Pembangunan Strategik di Institusi Pengajian Tinggi Islam Swasta: Satu Kajian Awal di KIAS: The Implementation of Rabbani Kelantan Education Policy in Strategic Development in Private Islamic Higher Education Institutions: A Preliminary Study at KIAS. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, *3*(2), 1-16.

Zaman, R. K., Leman, F., & Habil, R. (2023). Development of the Program Learning Outcomes based on the Rabbani Kelantan Education Policy: Its Importance in Human Capital Development In Proceedings of the 5th UUM International Qualitative Research Conference (QRC 2022): 73-81.

Zaman, R. K., Saleh, M. M., & Hamid, N. S. A. (2022). Manifestasi Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan Dalam Pembangunan Pendidikan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). *Proceedings ICTE 2022 Vol 1*.,143-152. Kota Bharu: Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu.

سيدي, & علي عثمان. (٢٠٢١). *جهود محمد علي الصابوني البلاغية من خلال كتابه" صفوة التفاسير": دراسة بلاغية تحليلية* (Doctoral dissertation، جامعة الجزيرة).

حلمي أريس, & نظري مسلم. (٢٠٢٠). معالم من منهاج النبوة في معالجة تعدد الانتماءات في ظل دولة واحدة: دراسة نموذجية لصحيفة المدينة المنورة.